



JANUARI-DISEMBER 2021

Buletin SWADD

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy

BIL
5



PROJEK 2 : TABUNG MUSAADAH SWADD - KELENGKAPAN 10 BILIK KELAS DAN PERPUSTAKAAN SEPAMA

KEPRIHATINAN JEMAAH SWADD MELANGKAUI SEMPADAN MALAYSIA

Pada 2020, SWADD telah melaksanakan program Tabung Musaadah SWADD dengan tujuan untuk mengumpul dana dan derma daripada orang ramai bagi membina sesebuah projek ummah.

Pada Februari 2021, projek pertama melalui Tabung Musaadah SWADD ialah dana bagi proses pembinaan Surau Saad Abi Waqas, Kampung Kelulud, Gorowot, Kuala Penyu, Sabah. SWADD mengumpulkan keseluruhan dana sumbangan yang dikumpulkan di dalam Tabung Musaadah ini sebelum diserahkan kepada pihak Surau Saad Abi Waqas bagi menyempurnakan pembinaan Surau tersebut.

Projek kedua Tabung Musaadah SWADD adalah sumbangan ke Sekolah Bersepadu Musa-Asiah (SEPAMA). Walaupun menghadapi situasi kekangan dan pembatasan aktiviti akibat Covid-19, sumbangan SWADD telah melangkaui sempadan Malaysia, iaitu ke Kemboja iaitu melalui Tabung Musaadah SWADD. Dengan kemurahan para jemaah, sumbangan untuk kelengkapan 10 bilik kelas dan perpustakaan di sekolah tersebut telah dapat dilaksanakan.

Tabung Musaadah SWADD yang telah berjaya dilaksanakan iaitu:

- 1) Surau Saad Abi Waqas Kg Gorowot, Kuala Penyu, Sabah dengan jumlah sumbangan - RM 25,000.00
- 2) Sekolah Bersepadu Musa-Asiah (SEPAMA), Kemboja dengan jumlah Sumbangan RM63,000.00



Menarik di dalam

Mesyuarat Agung Tahunan
SWADD Kali Pertama

>> mukasurat 8

Qurban Sabah: kelebihan Jemaah
SWADD dikongsi bersama

>> mukasurat 7



Haji Mohd Nazri Chik
Pengerusi SWADD

Setinta Emas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على رسوله الكريم وعلى آله وأصحابه أجمعين

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas berkat limpahan rahmat dan kurniaan nikmatNya, selawat dan salam ke atas nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan para tabi'in. Firman Allah SWT:


"Hanyasanya yang layak memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk." (Surah At-Taubah: ayat 18)

Saya bersyukur kepada Allah SWT buat kali kelimanya, SWADD sekali lagi dapat menerbitkan Buletin SWADD Januari – Disember 2021 untuk tatapan para jemaah sekalian. Sesungguhnya SWADD sebagai sebuah Surau Diri Jumaat yang menjadi sebahagian daripada ikon wakaf utama Malaysia iaitu Menara Imarah Wakaf atau Menara Bank Islam telah berusaha untuk menjalankan fungsinya bukan hanya sekadar sebagai tempat solat bahkan sebagai pusat pembangunan rohani, keilmuan dan kebajikan kepada para jemaah dan masyarakat di tengah-tengah kota kosmopolitan termasuk melangkaui sempadan negeri dan negara. Aktiviti-aktiviti SWADD yang dianjurkan adalah bertujuan bagi memanjangkan manfaat wakaf (*tauzi' al-Waqf*) yang mula dipelopori oleh Al-marhum Ahmad Dawjee Dadabhoy dengan mewakafkan tanah ini kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dengan kemurahan hati para jemaah yang terus menyumbangkan sumbangan khususnya setiap hari Jumaat dan sokongan Pengurusan Bank Islam Malaysia Berhad, SWADD bukan sahaja dapat menyediakan fasiliti terbaik untuk keselesaan ibadah para jemaah, bahkan telah berjaya melaksanakan beberapa program sepanjang 2021. Walaupun menghadapikekangan dan pembatasan aktiviti akibat Covid-19, sumbangan SWADD telah melangkaui sempadan Malaysia secara rasmi iaitu ke Komboja. Selain daripada membantu pembinaan sebuah surau di Kg Gorowot Sabah, Tabung Musaadah SWADD dengan kemurahan para jemaah telah memberi sumbangan untuk Sekolah Bersepadu Musa Asiah (SEPAMA), Kemboja bagi kelengkapan 10 bilik kelas dan Perpustakaan.

Dari aspek tata kelola dana awam, sesungguhnya Buletin SWADD ini adalah satu usaha pendedahan dan pelaporan pengurusan dana yang diamanahkan kepada Jawatankuasa SWADD oleh para jemaah.

Menutup bicara, saya mewakili seluruh Ahli Jawatankuasa dan Pegawai SWADD merakamkan jutaan penghargaan kepada seluruh jemaah SWADD atas sumbangan dan sokongan dalam mengimarahkan SWADD serta usaha-usaha pelebaran manfaatnya kepada ummah melampaui sempadan Jalan Perak di ibukota ini. Semoga amalan ikhlas ini akan dituai hasilnya di akhirat kelak dengan penuh kegembiraan.



SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY
MENARA BANK ISLAM

VISI SWADD

Menjadi sebagai Surau Jumaat contoh di dalam Wilayah Persekutuan dalam memberi khidmat kepada ummah

MISI SWADD

1. Penghayatan Ibadah
2. Peningkatan Ilmu dan Dakwah
3. Prihatin Ummah
4. Fasiliti yang Efektif dan Kondusif

Sidang redaksi

- **Penasihat**
Ustaz Haji Mohd Nazri Chik
- Pengerusi SWADD
Encik Azmir Abdul Malek
- AJK SWADD
- **Sidang Redaksi**
Ustaz Abdulhadi Ab Rahman
Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah
Ustaz Muhammad Nazrie Abdurrahim
- **Rekabentuk & Fotografi**
Ustaz Yusuf Assiddiq Ahmad Sharkawi

Sebarang komen atau cadangan penambahbaikan sila hubungi :

Pejabat Pengurusan, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
Tingkat 15, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur

📞 03-2164 6318/6317
✉️ swaddmbi@gmail.com
🌐 Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
📷 swadd_mbi
🌐 www.swadd.com.my



CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA

SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY 2020-2023



PENGURUSI
HAJI MOHD NAZRI CHIK
(Ketua Pegawai Rangkuman Kewangan Kumpulan, Bank Islam)



SETIAUSAHA
USTAZ ABDULHADI AB RAHMAN
(Penolong Pengurus, Rangkuman Kewangan, Bank Islam)



TIMB. PENGURUSI
USTAZ SAIFUL ANUAR HAMBALI
(Ketua Pegawai Shariah Kumpulan, Bank Islam)



BENDAHARI
USTAZ MOHAMAD FAIZ IBRAHIM
(Pengurus, Bahagian Rangkuman Kewangan, Bank Islam)

• AHLI JAWATANKUASA •



**ENCIK AZMIR
ABD MALEK**
(Penolong Pengurus Besar,
Pemasaran Perniagaan, Bank Islam)



**USTAZ MOHD JUZAILI
JUHANI**
(Timbalan Pengurus,
Rangkuman Kewangan, Bank Islam)



HAJI SHAFFIE OSMAN
(Jemaah Kariah SOHO)



**USTAZ MOHD ZIKRI
MOHD SHAIRY**
(Penolong Pengurus Besar,
Bahagian Rangkuman Kewangan, Bank Islam)



**ENCIK MOHD RIZAL
YAHYA**
(Penyelia Bangunan,
THP Services Sdn Bhd)



**ENCIK MOHD NOOR
FITRY RAMLEE**
(Juruteknik THP Services Sdn Bhd)



**PUAN SURYATI
ABU SUJAK**
(Pengurus Kanan, Pengurusan Risiko &
Pematuhan, Bank Islam)



PUAN NURIHANI ZAHARI
(Pengurus Kanan, Pentadbiran Am,
Bank Islam)



**PUAN SITI NORAIN
MOHD FAUDZI**
(Pegawai Pemungutan,
Pusat Panggilan Pemungutan, Bank Islam)



**USTAZ MUHAMMAD
SYAZWAN HAMZAH**



**USTAZ YUSOF ASSIDIQQI
AHMAD SHARKAWI**



**ENCIK MUHAMMAD
NAZRIE ABDURRAHIM**



**ENCIK MOHD
SAIFUDDIN WAHAB**



**ENCIK SYAHRIL AZLEE
ABDULLAH**
(Pengurus Kanan, Kewangan Bank Islam)



**PUAN NOOR RAFIDAH
JACOB**
(Pengurus, Kewangan, Bank Islam)

• PAGAWAI •

• NOJA •

• PEMERIKSA KIRA-KIRA •



TAKLIMAT PERKEMBANGAN SWADD; SOLAT BERJEMAAH DAN JUMAAT DILAKSANAKAN MEMATUHI SOP

Pada awal tahun iaitu 19 Februari 2021, SWADD telah mengadakan Taklimat Perkembangan SWADD. Taklimat ini telah diadakan pada hari Jumaat, jam 12.45 tengah hari bertempat di ruang utama Solat Jumaat. Taklimat perkembangan SWADD ini telah disampaikan oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengurus SWADD sendiri kepada para Jemaah. Taklimat yang merangkumi perjalanan semasa SWADD dalam tempoh COVID-19 telah memberikan gambaran dan maklumat terkini kepada para Jemaah.

Sebagai sebuah surau institusi, SWADD perlu patuh kepada SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi mengurangkan risiko penularan wabak Covid-19.

Pihak JAWI juga telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Solat Sunat Tarawih dan aktiviti pengimaranan khususnya Bulan Ramadan 1442H untuk dijadikan rujukan kepada Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau agar pengimaranan dan pelaksanaannya mematuhi tatacara yang ditetapkan. Semoga dengan segala pematuhan yang diikuti dan dipatuhi, wabak pandemik Covid-19 ini akan segera berakhir.





MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN IHYA' RAMADHAN & WATIKAH PELANTIKAN KETUA AMIL & AMIL ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 2021 / 1442.

6 April 2021 - SWADD telah diwakili oleh Tuan Haji Shaffie Osman bagi menghadiri Majlis Penyampaian Bantuan Ihya' Ramadhan & Watikah Pelantikan Ketua Amil & Amil Zakat Fitrah bagi tahun 2021 / 1442 di Masjid Wilayah Persekutuan. Dalam majlis ini, YB Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menyampaikan mock cheque bantuan Ihya' Ramadhan kepada 790 buah masjid, surau jumaat dan surau di Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Sebanyak RM9.23 juta dana zakat diperuntukkan yang akan disalurkan seperti berikut:

- a. RM15,000.00 kepada setiap masjid
- b. RM12,500.00 kepada setiap surau jumaat; dan
- c. RM11,000.00 kepada setiap surau biasa

Dalam majlis yang sama, beliau telah menyerahkan peruntukan sebanyak RM2.1 juta untuk Program Dapur It'am yang dimulakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada tahun lalu kepada 24 buah masjid dan 46 buah surau yang terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Beliau turut mengumumkan tiga kadar zakat fitrah yang telah ditetapkan oleh MAIWP berdasarkan keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan iaitu kadar RM5.00 bagi meringankan beban umat Islam yang kurang berkemampuan bagi menunaikan kewajiban zakat fitrah akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara. Dua lagi kadar RM7.00 dan RM14.00 yang ditetapkan kepada mereka yang berkemampuan dan ingin membayar zakat fitrah secara gandaan mengikut jenis beras yang dimakan.

RAMADAN DIIMARAHKAN MEMOHON RAHMAT ALLAH SWT

13 APRIL – 10 MEI 2021 – SWADD telah menganjurkan Ramadan Fest@SWADD 2021 dengan berkonsepkan Pek Juadah Berbuka Puasa Pandu Lalu yang julung kali diadakan dalam suasana pandemik Covid19 pada tahun ini. Konsep yang dilaksanakan ini adalah berpandukan dengan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) antaranya penjarakkan 1 meter dan tiada perkumpulan.

SWADD telah menyediakan sebanyak 300 bungkusan pek juadah berbuka puasa setiap hari bekerja selama empat minggu untuk orang awam yang bekerja di sekitar Menara Bank Islam. Pek juadah ini telah disediakan oleh pengusaha Café Menara Bank Islam yang melibatkan sebanyak empat buah gerai. Ini sebagai satu inisiatif SWADD membantu pengusaha café yang terjejas akibat daripada pandemik covid19 yang melanda di negara.

Paling menariknya adalah sumbangan pek juadah berbuka ini adalah hasil daripada sumbangan orang ramai dan jemaah SWADD yang tidak putus-putus menderma, menginfaq dan menyumbang ke dalam Tabung Ramadan bagi tujuan tersebut. Hasil sumbangan yang diperolehi adalah RM 72,345.00 dan semuanya digunakan untuk pengurusan program dan pek berbuka puasa. Bukan itu sahaja, Majlis Bacaan Tahlil juga diadakan sementara menunggu waktu berbuka puasa dan solat Sunat Tarawih turut diimarahkan pada setiap malamnya.

Bank Islam juga turut menaja khemah berbuka puasa untuk program ini. Walaupun negara sedang dalam mendepani wabak COVID-19 ini, SWADD tetap melaksanakan aktiviti pengimaranan di Bulan Ramadhan di samping mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Pihak Pengurusan SWADD sangat berterima kasih kepada para penyumbang yang telah menyumbang ke dalam Tabung Ramadan SWADD sehingga SWADD berjaya merealisasikan program Ramadan Fest@SWADD yang berkonsepkan Pandu Lalu yang pertama kali diadakan dan sesuai dengan keadaan semasa.





PROJEK PERTAMA TABUNG MUSAADAH SWADD ; PEMBINAAN SURAU SAAD ABI WAQAS

29 April 2021 - Pihak SWADD diwakili oleh Tuan Haji Samin Ongki, Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada ketika itu telah menyerahkan secara simbolik sumbangan jemaah Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) kepada Surau Saad Abi Waqas Kg Gorowot, Kuala Penyu. Beliau optimis surau ini akan terus imarah dan boleh mengadakan solat Jumaat untuk penduduk sekitar tidak lama lagi. Terima kasih kepada para penyumbang yang telah menyumbangkan kewangan untuk menjayakan pembinaan surau ini.



QIAMULLAIL PERDANA @ SWADD

9 Mei 2021 - Buat julung kalinya SWADD telah menganjurkan program SWADD Qiamullail sempena bulan Ramadan dan bertepatan dengan 27 Ramadan 1442H. Program bermula seawal jam 04.45 pagi yang dimulakan dengan solat sunat tasbih, dipimpin oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengurus SWADD dan diakhiri dengan Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah memimpin Solat Sunat Taubat sebelum para jemaah menjamah sahur yang ditaja oleh seorang jemaah SWADD yang budiman.

Seterusnya, Ustaz Abdulhadi Ab Rahman selaku Setiausaha merangkap Ketua Imam SWADD telah memimpin Solat Fardhu Subuh. Selesai solat, tazkirah Subuh telah diisi oleh Pengurus SWADD sebelum program berakhir. Seramai 15 orang jemaah yang hadir dalam program ini.





QURBAN SABAH: KELEBIHAN JEMAAH SWADD DIKONGSI BERSAMA

20 Julai 2021 – Pelaksanaan ibadah korban adalah bertujuan untuk mensyukuri segala nikmat yang telah Allah SWT berikan dan berkongsi nikmat tersebut dengan golongan yang kurang berkemampuan di samping mengeratkan silaturrahim di antara umat Islam. Justeru, itulah natijah yang ingin dicapai bagi sesiapa yang mengambil bahagian dalam ibadah korban ini.

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) buat kali ke-2, telah bekerjasama dengan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Sabah di dalam menganjurkan Program Ibadah Korban Sabah 2021 sejak kerjasama ini dimulakan pada tahun lepas. Seramai 21 orang jemaah telah terlibat dalam program tersebut.

Pada tahun ini, SWADD dan YADIM Sabah telah memilih empat buah daerah di pedalaman Sabah iaitu Tongod, Pagalungan, Matunggong dan Paitan yang melibatkan empat ekor lembu untuk dikorbankan. Pelaksanaan program ini turut diselaraskan bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Pejabat Daerah di 4 lokasi tersebut. Pegawai YADIM Negeri Sabah turut serta dan menyaksikan pelaksanaan korban ini dan para sukarelawan dari YADIM Sabah telah membantu dalam urusan pengagihan daging korban di kampung-kampung tersebut.

Semoga dengan kerjasama di antara dua entiti keagamaan ini dapat diteruskan lagi bagi menyebarluaskan manfaat kepada umat Islam yang lain khususnya yang berada di kawasan pedalaman.

KESULITAN ANAK KARIAH DIBANTU SWADD

8 Ogos 2021 - Pihak SWADD telah menyempurnakan sumbangan kepada anak kariah SWADD sebagai bantuan kecil kewangan sempena pandemik COVID-19 ini, khususnya mereka yang berkhidmat di Menara Bank Islam. Penerima terdiri dari kalangan Imam Rawatib, Pegawai Keselamatan, Pekerja Kebersihan dan Petugas Tempat Letak Kereta. Tidak dilupakan para asatizah pendakwah sepenuh masa yang menjadi tenaga pengajar di SWADD sejak saban tahun, dan terjejas pendapatan kerana kegiatan pengajian masjid dan surau yang berkurangan.


Turut hadir menyempurnakan penyerahan adalah Pengurus SWADD, Tuan Haji Mohd Nazri Chik, Ahli Jawatankuasa SWADD, Tuan Haji Shafiee, En. Mohd Fitry dan En. Muhammad Nazrie.

Semoga dengan sumbangan ini dapat mengurangkan beban mereka dan didoakan agar terus diberikan kekuatan dalam menghadapi segala cabaran di hari-hari yang mendatang.

Terima kasih kepada jemaah SWADD yang terus menyumbang kepada surau kesayangan kita semua.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN SWADD KALI PERTAMA



17 September 2021 - SWADD telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama secara atas talian melalui medium Google Meet. Kehadiran ahli kariah SWADD adalah seramai 61 orang. Mesyuarat yang dimulakan dengan ucapan Pengerusi SWADD, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik yang mengucapkan ribuan terima kasih dan menghargai segala kerjasama oleh ahli Kariah yang memahami suasana SWADD ketika pandemik Covid-19 ketika ini.

Seterusnya, Setiausaha SWADD, Ustaz Abdulhadi Ab Rahman telah membentangkan Laporan Aktiviti SWADD bermula Januari – Disember 2020 kepada para ahli kariah yang hadir. Bendahari SWADD, Ustaz Mohamad Faiz Ibrahim kemudian membentangkan Laporan Kewangan SWADD bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020.

Kemudian sesi pertanyaan soalan dan cadangan kepada Ahli Jawatankuasa Kariah telah dibuka kepada ahli kariah bagi memberikan pandangan dan cadangan. Di akhir mesyuarat, Pengerusi SWADD sekali lagi memberikan ucapan penangguhan seterusnya menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan SWADD bagi tahun 2021. Antara cadangan yang telah diberikan oleh jemaah SWADD ialah seperti berikut ;

NO	PERKARA	CADANGAN	TINDAKAN AJK SWADD
1.	KELAS PENGAJIAN	Mencadangkan supaya SWADD memulakan kembali kelas mengaji al-Quran kepada jemaah. Dicadangkan untuk dilaksanakan secara online sekali seminggu atau dua kali seminggu.	Kelas mengaji online telah bermula bermula Mac 2022
2.	TANDAS BASEMEN 1	Mencadangkan supaya pihak SWADD menambahbaik tandas di Bl supaya lebih selesa dan mesra pengguna.	Telah mula melaksanakan penambahbaikan tandas Bl
3.	AKTIVITI DAN PROGRAM	Mencadangkan untuk pihak SWADD bekerjasama dengan pihak Bank Islam dalam melaksanakan pelbagai program secara virtual/fizikal untuk staff Bank Islam dan program spiritual bersama HR Bank Islam.	Aktiviti tahun 2022, pihak SWADD akan bekerjasama dengan HR Bank Islam
4.	PENGISIAN PROGRAM	Mencadangkan supaya SWADD melaksanakan bengkel Ilmu Faraid untuk Ahli Kariah SWADD secara virtual dan memperbanyakkan isu semasa di dalam penyampaian kuliah	Telah dimasukkan ke dalam aktiviti tahun 2022 dengan bekerjasama dengan HR Bank Islam

PEGAWAI SWADD BERKHIDMAT DI BANK ISLAM

06 September 2021 - Seramai empat orang Pegawai SWADD yang sebelum ini dibiayai oleh SWADD telahpun diambil berkhidmat dengan Bank Islam. Mereka ditempatkan di Bahagian Rangkuman Kewangan. Keputusan ini untuk memberi peluang pembangunan karier kepada pegawai SWADD di samping manfaat perkhidmatan yang lebih baik sekaligus meningkatkan motivasi perkhidmatan mereka dengan peranan lebih luas di samping terus menguruskan operasi SWADD. Jawatankuasa SWADD dalam mesyuaratnya pada 25 Januari 2022 telah memutuskan bahawa, SWADD akan menyalurkan sebahagian kos operasi yang digunakan untuk kos empat orang pegawai sebelum ini ke Dana Kekal Sadaqa House yang berjumlah RM 13,000.00 setiap bulan bermula Januari 2022. Jumlah yang disalurkan ini diharap dapat memanjangkan manfaat sumbangan Jemaah SWADD melalui dana kekal yang hanya pelburannya sahaja yang akan disalurkan kepada penerima manfaat

KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

TAZKIRAH ZOHOR SECARA ONLINE PEGAWAI SWADD



Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah
Setiap Hari Isnin



Ustaz Muhammad Nazrie Abdurrahim
Setiap Hari Selasa



Ustaz Abdulhadi Ab Rahman
Setiap hari Rabu



Ustaz Yusuf Assiddiq Ahmad Sharkawi
Setiap Hari Khamis

KULIAH JUMAAT



Ustaz Azhar Yahya
"Santunan Rasulullah Terhadap
Non Muslim"
26 Februari 2021



Ustaz Dr Muhamad Zuhaili Saiman
"Untung Dunia, Untung Akhirat"
5 Mac 2021



Ustaz Meor Abdullah Meor Omar
"Ramadan Yang Dilirungi"
9 April 2021



Ustaz Arfy Zaki
"Muhasabah Ramadan, Menuju
Kejayaan"
7 Mei 2021



Ustaz Hassan Al-Fadhl
bin Abdul Rahman
"Masbuk & Muafiq"
17 September 2021



Ustaz Taufiq Yusof
"Hadis Quds"22 Oktober 2021



Ustaz Mohd Miftah Anuar
"Maafkan Daku"
29 Oktober 2021



Ustaz Yahya Mahyuddin
"Kal Bunyan"
12 November 2021



Ustaz Mohd Shamsul Hakim Abd Samad
"Bicara Wahyu Tentang Anak Yatim"
17 Disember 2021



Ustaz Nushi Mahfodz
"Bicara Nabi Tentang Anak Yatim"
24 Disember 2021

PROGRAM BICARA ILMU @ SWADD

SUMBANGAN TABUNG MUSAADAH SWADD
10 BILIK KELAS & PERPUSTAKAAN
SEKOLAH BERSEPADU MUSA-ASIAH (SEPALA)
Di Persembahan oleh Dato' Dr. Mohamad Zain Musa

SUMBANGAN BILIK KELAS DAN PERPUSTAKAAN MELALUI
BANK ISLAM 14014010158932
TABUNG MUSAADAH SWADD

Siri 1 | Disampaikan oleh Dr. Mohamad Zain Musa
(Presiden Ikatan Pembangunan Muslim Selangor)
"Perkembangan Islam Di Kemboja"

SUMBANGAN TABUNG MUSAADAH SWADD
10 BILIK KELAS & PERPUSTAKAAN
SEKOLAH BERSEPADU MUSA-ASIAH (SEPALA)
Di Persembahan oleh Dato' Dr. Mohamad Zain Musa

SUMBANGAN BILIK KELAS DAN PERPUSTAKAAN MELALUI
BANK ISLAM 14014010158932
TABUNG MUSAADAH SWADD

Siri 2 | Disampaikan oleh Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abd Aziz
(Setiausaha Politik Kepada YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
"Infaq : Modal Menghadap Akhirat".

TADARUS ONLINE SEPANJANG RAMADAN BERSAMA PEGAWAI SWADD



KAEDAH MENYUMBANG UNTUK SADAQA HOUSE



Sadaqa House Bank Islam
Sebuah Platform Pendanaan
Awam Untuk Kebajikan

Sumbangan anda disalurkan kepada
yang memerlukan secara telus

Fund Transfer

Sadaqa House
140 140 101 88888
Bank Islam Malaysia Berhad



Website of Sadaqa House

<https://www.sadaqahouse.com.my>
(Click **Donate** button)



QR Code DuitNow



Step 1

Select banking application

Step 2

Click **DuitNow QR Code** button

Step 3

Scan **QR code** and enter donation
amount

Boost Application



Step 1

Download the Boost application via
Play Store (Android) or **App Store**
(iOS)

Step 2

Select **More** and click **Donation**
button. Choose **Sadaqa House**
OR
Click **Scan & Pay**, scan the
Sadaqa House QR Code

Step 3

Follow the steps displayed to
complete the payment

Bank Islam Credit Card-i

Through the redemption
of Trupoints Rewards at
<https://trurewards.bankislam.com.my>
(Category Product: Welfare)



TIDAK MISKIN ORANG YANG BERSEDEKAH

مَا نَقْصَتْ صَدَقَةٌ مِّنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بَعْقُوْلًا عَزِيزًا
وَمَا تَواضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ

"Tidaklah sedekah itu mengurangkan harta seseorang dan Allah akan menambahkan kemuliaan bagi orang yang memberi kemaafan. Begitu juga Allah akan mengangkat kedudukan seorang yang bersifat tawaduk."

(HR Muslim)



SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY
MENARA BANK ISLAM, TINGKAT B1
NO.22, JALAN PERAK, 50450 KUALA LUMPUR

LAPORAN KEWANGAN

(JANUARI - DISEMBER 2020)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 2020

ITEM	NOTA	JAN '20 (RM)	FEB '20 (RM)	MAR '20 (RM)	APR '20 (RM)	MAY '20 (RM)	JUN '20 (RM)	JUL '20 (RM)	AUG '20 (RM)	SEP '20 (RM)	OCT '20 (RM)	NOV '20 (RM)	DEC '20 (RM)
Baki Tunai di Bank		695,107.18	756,819.65	774,200.41	707,919.56	674,059.21	591,384.88	566,225.00	520,816.13	524,247.70	514,578.94	508,686.22	461,854.24
Tambah · Penerimaan Tunai	1	123,949.00	104,195.00	41,092.00	-	-	8,373.00	14,949.00	14,070.00	30,311.00	23,582.00	7,816.00	5,722.00
Tabung Surau	2	84.00	292.00	89.00	24.00	174.00	267.00	80.00	454.00	419.00	147.00	60.00	9,551.72
Sumbangan Dan Derma	3	1,403.29	449.31	7,171.00	56.70	18,504.11	47.57	47.23	37,076.46	1,393.32	4,643.66	2,439.53	20,387.33
Jumlah Penerimaan Semasa		125,436.29	104,936.81	48,352.00	80.70	18,578.11	8,687.57	15,076.23	51,600.46	32,123.22	28,372.66	10,315.53	35,641.05
Tolak : Perbelanjaan Tunai													
Alatulis & Cetakan	4	-	29,750.00	60,000.00	6,800.00	30,000.00	-	10,250.00	3,572.40	590.00	-	650.00	1,825.00
Bantuan & Sumbangan	5	3,020.50	5,799.50	2,082.50	460.60	-	-	2,750.50	1,000.60	4,855.00	1,000.00	10,001.00	4,200.00
Belanja Pelbagai	6	1,800.00	-	460.60	-	-	-	4,649.80	887.40	-	-	-	8,300.00
Belian Aset Surau	7	5,300.00	3,050.00	250.00	-	-	-	-	-	-	-	-	819.00
Jamuan Dan Kerajian	8	1,000.00	800.00	800.00	16,094.30	60,185.30	21,537.30	17,492.30	800.00	1,600.00	2,000.00	-	-
Kawalan Keselamatan	9	21,319.77	21,583.30	20,634.90	800.00	800.00	-	18,122.30	17,215.30	15,552.30	19,251.30	19,554.85	-
Kos Petugas Surau	10	800.00	800.00	11,300.00	-	-	-	1,600.00	800.00	800.00	1,600.00	800.00	800.00
Kos Penlitungan	11	10,800.00	9,400.00	4,800.00	-	-	-	2,700.00	2,800.00	4,200.00	5,850.00	1,800.00	4,200.00
Majlis Ceramah Dan Kulliah	12	2,879.50	1,800.00	7,950.00	7,950.00	10,145.00	12,050.00	7,950.00	9,297.74	10,450.00	7,950.00	8,215.00	7,950.00
Majlis Khas Dan Kursus	13	7,950.00	6,197.45	5,209.75	2,054.60	-	232.14	232.15	747.35	703.50	1,515.55	1,179.10	390.80
Pembakaran Dan Penyelanggaraan													
Sumbangan Sadaka House													
Utiliti													
Jumlah perbelanjaan		63,723.82	87,556.05	114,632.85	33,931.05	101,362.44	33,847.45	60,485.10	48,168.89	41,791.98	34,265.38	57,137.51	48,282.30
Baki Tunai di Bank		756,819.65	774,200.41	707,919.56	674,059.21	591,384.88	566,225.00	520,816.13	524,247.70	514,578.94	508,686.22	461,854.24	449,222.99
Pelaburan Wafiyah		254,430.41	256,674.97	256,674.97	256,674.97	258,636.95	258,636.95	260,201.53	260,201.53	260,201.53	261,546.02	261,546.02	
Akaun Sumbangan	3,045.95	14,231.87	22,406.61	23,193.55	24,329.03	38,816.63	2,665.72	2,940.72	3,393.72	3,463.72	10.00		
Panjar Wang Runcit	1,174.50	1,174.50	959.50	959.50	319.50	1,983.50	1,918.50	464.17	375.42	1,899.05			
Baki di Bank Dan Pelaburan		1,015,470.51	1,046,281.75	987,960.64	954,897.23	875,310.36	849,816.48	820,253.21	789,033.45	778,185.86	772,656.89	728,773.03	710,779.01

Muhammad Nurie Abdurrahim
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam

Haji Syuhrel Azeez Ibrahim
Berdahari

Haji Syuhrel Azeez Ibrahim
Pemerkasa Kira-Kira 1

Noor Rafidah Jacob
Pemerkasa Kira-Kira 2



SWADD MENYELESAIKAN PERMASALAHAN LIMPAHAN SOLAT JUMAAT

Sejak sebelum pandemik COVID19 pada awal tahun 2019, SWADD menghadapi masalah limpahan jemaah Solat Jumaat sehingga ke aras 1, Menara Bank Islam.

SWADD telah mengemukakan masalah ini kepada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Sebagai penyelesaian, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat ke 112 pada 14 November 2018 telah memutuskan penyelesaian seperti berikut :

1. Imam memimpin Solat Jumaat perlu dilakukan di hadapan SWADD Aras 1 berhampiran tempat letak kereta.
2. Pihak SWADD perlu menyediakan alat-alat pembesar suara bagi memastikan makmum di semua bahagian mendengar suara imam dan pemancar skrin di bahagian yang tidak kelihatan khatib yang berkhotbah.

SWADD telah melaksanakan kutipan daripada jemaah untuk pembinaan ini dan alhamdulillah pada Ramadan tahun 2021 kutipan keseluruhan berjaya dikumpul.

SWADD mengucapkan jutaan terima kasih kepada Bank Islam Malaysia Berhad dan para penyumbang yang telah menjayakan kutipan sebanyak RM300,000 bagi pembinaan Ruang Imam Solat Jumaat di lobi Menara Bank Islam.

CABUTAN MINIT (KEPUTUSAN) MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK WILAYAH PERSEKUTUAN KALI KE-112 PADA 14 NOVEMBER 2018 (RABU) DI DEWAN SYURA PERDANA, TINGKAT 11, MENARA PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR

AGENDA 3.6.: Kertas Kerja Bil. 6/112/2018 CADANGAN PENYELESAIAN SOLAT JUMAAT DI SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY MENARA BANK ISLAM

Mesyuarat meneliti kertas cadangan ini dan membuat keputusan seperti berikut:

- i) Imam memimpin solat Jumaat boleh dilakukan di hadapan Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoys berhampiran parking kereta dan kaki lima bangunan.

Disahkan oleh :

(DATO' SERI DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI)
Mufti Wilayah Persekutuan
Merangkap Pengurus
Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan

SWADD @ MEDIA BARU

like | share | follow



Surau Wakaf Ahmad Dawjee
Dadabhoys, Menara Bank Islam



instagram.com/swadd_mbi/



Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoys,
Menara Bank Islam



www.swadd.com.my



twitter.com/swadd_mbi